

# Ubat mati pucuk beracun

➔ Produk Nan Bao Capsule dikesan ada racun berjadual

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Kesihatan membatalkan pendaftaran produk Nan Bao Capsule untuk merawat mati pucuk kerana dikesan mengandungi racun berjadual sildenafil dan tadalafil yang membahayakan pengguna.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sildenafil dan tadalafil untuk merawat mati pucuk hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau diperolehi di farmasi dengan preskripsi doktor.

Tanpa pengawasan doktor, katanya, penggunaan bahan kimia itu boleh menyebabkan kesan *adverse* (negatif) serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, selain boleh juga berlaku penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat berbahaya serta memberi kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung.

"Ubat yang mengandungi sildenafil dan tadalafil hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau diperolehi dari farmasi dengan preskripsi doktor. Sildenafil, tadalafil dan analognya tidak dibenarkan dalam ubat yang dikelaskan sebagai ubat tradisional.

## Berbahaya untuk pesakit jantung

"Penggunaan ubat ini sangat berbahaya bagi orang awam yang berisiko tinggi terhadap kesan *advers*, terutama pesakit bermasalah jantung seperti angina yang mengambil ubat nitrate," katanya dalam kenyataan, semalam.

Orang awam boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau memuat turun aplikasi NPRA *Product Status* daripada Google Play Store.

Dr Noor Hisham berkata, penjual dan pengedar produk tradisional dari China itu perlu menghentikan penjualan dan pengedarannya serta-merta kerana melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Katanya, individu yang melakukan kesalahan mengikut akta dan peraturan berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama, diikuti denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan